

## **Cerpen Sebagai Wahana Memupuk Minat Membaca**

**Norazlina Abdul Jalil**  
**norazlina\_abdul\_jalil@moe.edu.sg**

**Sekolah Menengah Naval Base**  
**Pusat Bahasa Melayu Singapura**

### **Abstrak**

Memupuk minat membaca karya-karya dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajar merupakan satu cabaran kepada guru-guru Bahasa Melayu. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Antara alasan lazim yang sering diberikan pelajar adalah kurangnya bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang dapat mereka gunakan atau dapat mereka beli dalam pasaran. Keterbatasan ini jika tidak diatasi akan menjejaskan bukan hanya minat pelajar terhadap bacaan bahkan secara tidak langsung menjejaskan kemahiran menulis pelajar. Cerpen sebagai bahan bacaan ringan, ringkas dan padat telah dikenal pasti sebagai wahana yang dapat digunakan dalam kajian ini. Tambahan pula, kepanjangan teks dalam cerpen yang sederhana dapat dilaksanakan di sekolah. Dalam kajian ini, guru telah mengumpulkan 35 cerpen yang dipilih khas sebagai bahan kajian. Cerpen-cerpen ini juga telah disusun mengikut kepayahan yang telah ditetapkan. Kajian juga meneliti ulasan-ulasan yang diutarakan pelajar setelah membaca sesebuah cerpen. Dapatan awal kajian menunjukkan pelajar mula memperlihatkan minat terhadap bacaan cerpen bahasa Melayu. Kajian juga mendapati, terdapat perkembangan yang positif dalam penulisan pelajar yang sekaligus meningkatkan kebolehan pelajar untuk menulis karangan yang lebih menarik.

### **Kata Kunci:**

Bahan Bacaan, Lazim, Cerpen, Daya Kreatif

## **1. Pengenalan**

Membaca merupakan salah satu kemahiran asas yang diperlukan pelajar. Kemahiran ini akan diguna pakai pelajar dalam pelbagai aktiviti pembelajaran di sekolah. Pelbagai usaha telah dilakukan sejak dari sekolah rendah untuk memupuk minat para pelajar membaca, khususnya dalam bahasa Melayu. Apa yang menjadi keprihatinan pengkaji, setelah melangkah ke sekolah menengah para pelajar didapati mengetepikan minat membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu biarpun pelajar sedar dan akur akan kepentingan membaca bahan bacaan bahasa Melayu. Namun, alasan kekurangan masa dan payah mendapatkan bahan bacaan sering diberikan alasan lazim oleh para pelajar.

Maka itu, satu usaha telah dilakukan untuk memberikan para pelajar ini ruang untuk membaca karya Melayu melalui satu program bacaan yang berstruktur yang dinamakan Program Bacaan Luas. Pakej pengajaran yang dihasilkan khas bagi program ini terdiri daripada sekumpulan cerpen yang disusun mengikut tahap kepayahannya. Genre cerpen dikenal pasti untuk pakej ini kerana masa yang diambil untuk membaca sebuah cerpen tidak terlalu panjang.

Dengan menjalankan program ini, diharapkan pelajar tidak lagi menggunakan alasan kekurangan masa dan tiadanya bahan bacaan untuk tidak membaca karya Melayu.

## **2. Penyataan Masalah**

Dalam satu pemantauan dan perbincangan yang dilakukan berkaitan sikap pelajar terhadap minat membaca, pelajar-pelajar didapati kurang berminat membaca. Kurangnya minat membaca ini meruncing bagi bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Terdapat pelbagai alasan yang diberi oleh pelajar bagi menjelaskan keadaan ini. Antaranya tidak mudah untuk mendapatkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu dan tidak banyak bahan bacaan ini dijual di pasaran. Minat membaca ini penting memandangkan melalui pembacaan, pelajar dapat mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa dan penulisan. Melalui bacaan pelajar dapat menimba ilmu

penulisan baik dari segi gaya bahasa mahupun teknik penulisan yang menarik. Dalam tugas harian, pelajar didapati mempunyai kosa kata yang terhad.

Dengan kosa kata yang terhad, kemampuan pelajar dalam menghasilkan idea-idea menarik lagi kreatif juga terhad. Ini akan menjejaskan kelakonan pelajar dalam penulisan karangan naratif sekiranya masalah berlarutan.

### **3. Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah:

1. memupuk minat dan tabiat suka membaca semula dalam kalangan pelajar; dan
2. meningkatkan daya kreatif para pelajar dalam penulisan karangan.

### **4. Kajian Lepas**

Baharom (2012), menyatakan bahawa memperoleh ilmu dan pengetahuan boleh berlaku melalui pelbagai cara dan membaca adalah salah satu daripada cara untuk memperolehnya. Falsafah membaca digambarkan oleh cerdik pandai menerusi pelbagai moto antaranya ialah 'membaca jambatan ilmu' dan 'membaca pengasah minda. Dua moto ini scukup untuk menyatakan betapa pentingnya membaca dalam kitaran hayat manusia."

Yahya (2005) pula menyatakan bahawa membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan asas dan pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang diberi makna kepada pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, kepentingan membaca perlu diterapkan dalam diri seseorang kerana membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan asas bagi menimba ilmu pengetahuan. Tambahan pula, sebagai seorang pelajar, membaca itu harus memberi makna. Maka itu, program bacaan ini diolah sebagai suatu pakej yang bukan sahaja bermatlamat untuk menggalakkan tabiat membaca, malahan turut mencabar pemahaman pelajar terhadap apa yang dibaca.

## **5. Kajian Lepas**

### **5.1 Subjek Kajian**

Kumpulan pelajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada 214 pelajar Menengah 1 hingga 3 aliran Ekspres dan Normal Akademik . Mereka memiliki tahap kemahiran yang pelbagai.

### **5.2 Instrumen Kajian**

Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini telah berbincang dan memilih cerpen-cerpen yang sesuai dengan peringkat usia para pelajar . Cerpen-cerpen ini dipilih daripada buku-buku, majalah, dan suratkhbar yang terdapat dalam koleksi guru masing-masing. Setelah dikumpulkan, guru-guru telah menaip dan mengasing-asingkan setiap cerpen mengikut tahap kepayahan cerita. Setiap cerpen kemudian dicetak mengikut warna kertas yang berlainan untuk membezakan tahap kepayahan rendah, sederhana, dan tinggi.

Setiap guru menerima satu set cerpen yang terdiri daripada 35 buah cerpen. Jumlah ini ditentukan berdasarkan jumlah pelajar terbesar dalam sesebuah kelas Bahasa Melayu.

Selain cerpen, borang ulasan turut direka khas untuk program ini. Ulasan cerpen ini digunakan untuk menilai pemahaman pelajar tentang cerpen yang dibaca. Bahkan, teknik SCAMPER telah diguna pakai sebagai salah satu strategi dalam membina soalan ulasan cerpen tersebut. Teknik 'SCAMPER' ini berkesan untuk merangsang daya kreatif para pelajar.

Bagi menilai ulasan yang telah dilengkapkan oleh pelajar, borang rubrik telah direka untuk menilai dan menyemak ulasan yang telah diselesaikan oleh pelajar.

### **5.3 Prosedur Kajian**

Pakej Program Bacaan Luas ini dihasilkan sewaktu sesi Perkongsian Profesional antara guru di sekolah. Para guru telah memilih kaedah '*Learning Circle*' untuk

membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam menjalankan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah. Sesi ini dijalankan selama dua penggal dari bulan Mac sehingga bulan September tahun 2013.

### **5.3.1 Dapatan Awal**

Para guru telah berbincang tentang permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Melalui perbincangan ini, para guru bersetuju bahawa permasalahan utama yang dihadapi ialah kekurangan kreativiti dalam penulisan para pelajar. Para guru mendapati masalah ini berpunca daripada sikap para pelajar yang kurang berminat untuk membaca karya-karya dalam bahasa Melayu. Walaupun adanya langganan Berita Harian oleh para pelajar sebagai bahan bacaan tambahan, guru mendapati bahan ini tidak mencukupi. Dengan itu, para guru bersependapat bahawa minat terhadap membaca perlu dipupuk dalam kalangan pelajar.

### **5.3.2 Perancangan**

Dalam sesi perbincangan, para guru bersetuju untuk membina sebuah pakej bacaan cerpen yang berstruktur sebagai bahan tambahan bagi Program Bacaan Luas. 35 buah cerpen telah dipilih dan disusun mengikut tahap kepayahan dan dicetak dengan menggunakan tiga kertas berwarna untuk membezakan tahap kepayahan tersebut. Bilangan 35 buah cerpen ini dipilih untuk penggunaan kelas bahasa Melayu terbesar di mana terdapat 35 orang pelajar dalam kelas tersebut.

Satu borang ulasan cerpen direka untuk menilai pemahaman pelajar terhadap setiap cerpen yang telah dibaca. Antara soalan yang disertakan dalam ulasan ini memerlukan para pelajar berfikir secara kreatif. Di sini, teknik 'SCAMPER' telah diterapkan sebagai salah satu strategi di mana bahagian '*Modify*' telah digunakan dalam soalan terakhir ulasan cerpen. Bagi merangsang kekreatifan para pelajar, mereka perlu menukar bahagian akhir cerpen yang telah mereka baca dengan pengakhiran mereka sendiri mengikut kekreatifan masing-masing.

Selain itu, borang rubrik turut direka untuk menilai ulasan cerpen para pelajar. Rubrik ini hanya diberikan kepada para guru untuk menilai pelajar mengikut gred 'cemerlang' bagi tahap yang paling tinggi dan 'harus dibaiki' bagi tahap yang paling rendah.

Program yang dilaksanakan sepanjang penggal dua dan penggal tiga tahun 2013, mengharapkan pelajar dapat membaca sekurang-kurangnya 10 buah cerpen. Manakala, setiap ulasan yang mereka lengkapkan diharapkan mendapat sekurang-kurangnya tahap gred 'baik'.

### **5.3.3 Pelaksanaan**

Setelah pakej pengajaran ini disiapkan, para guru menjalankannya dalam Program Bacaan Luas. Para pelajar dari Menengah 1 sehingga Menengah 3 dari aliran Ekspres dan Normal Akademik telah dipilih mengikuti program ini. Waktu pelaksanaan pula selama sepuluh minit pertama bagi setiap dua waktu kurikulum Bahasa Melayu mengikut jadual waktu pelajar. Selepas membaca sebuah cerpen, para pelajar melengkapkan satu ulasan cerpen yang disemak dan dinilai oleh guru mengikut rubrik yang disediakan.

### **5.3.4 Pemerhatian**

Sewaktu program ini dijalankan, para guru telah membuat pemerhatian untuk menilai kekuatan dan kelemahan pakej pengajaran ini. Para pelajar turut melengkapkan borang maklum balas di akhir program ini. Huraian bagi dapatan melalui pemerhatian serta maklum balas para pelajar akan dikupas dalam bahagian dapatan kajian.

### **5.3.5 Refleksi Kritis**

Guru telah menganalisa dapatan yang diperolehi melalui pemerhatian serta maklum balas yang diterima daripada pelajar. Sekiranya terdapat kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan pakej pengajaran ini. Guru akan berbincang tentang perkara-

perkara yang boleh diperbaiki dalam pelaksanaan pakej pengajaran ini. Huraian bagi bahagian ini akan turut dibincangkan dalam bahagian perbincangan.

## 6. dapatan Kajian dan Perbincangan

Setelah menjalankan beberapa sesi program bacaan ini, para pelajar melengkapkan borang maklum balas berkaitan dengan keberkesanan pakej pengajaran ini. Maklum balas ini lebih tertumpu kepada kualiti bahan pengajaran yang disediakan. Antara soalan yang ditanyakan adalah dari segi tahap kepayahan bahan bacaan. Berikut merupakan dapatan yang diperolehi daripada maklum balas pelajar:

<b>Jadual 1 : Respons Murid</b>	
93%	pelajar berpendapat bahawa jalan cerita yang terkandung dalam teks ini mudah untuk difahami
87%	pelajar dapat memahami kosa kata yang terkandung dalam setiap cerpen
95%	pelajar setuju bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami

<b>Jadual 2 : Keganjangan Teks</b>	
70%	pelajar merasakan bahawa keganjangan teks bacaan memadai
11%	pelajar merasakan bahawa teks bacaan terlalu panjang
19%	pelajar berpendapat bahawa teks bacaan terlalu pendek

<b>Jadual 3 : Ulasan Cerpen</b>	
76%	pelajar merasakan bahawa masa yang diperuntukkan mencukupi
95%	pelajar memahami soalan-soalan dalam ulasan itu
59%	pelajar berpendapat bahawa soalan-soalan yang ditanya harus dikurangkan
32%	pelajar berpendapat bahawa soalan-soalan yang ditanya harus dikaitkan dengan jalan cerita setiap cerpen
9%	pelajar berpendapat bahawa ulasan cerpen ini tidak perlu diadakan

Secara keseluruhan, kelancaran program ini serta bahan pengajaran yang telah disediakan telah mendapat maklum balas yang positif. Seramai 83% pelajar mengatakan bahawa masa yang ditetapkan untuk bacaan dan melengkapkan ulasan mencukupi dan 85% pelajar juga bersetuju bahawa program ini telah dapat menimbulkan minat membaca dalam diri pelajar.

Di samping mengenal pasti keberkesanan pakej yang telah dibina, para guru yang terlibat dalam program bacaan luas ini turut menimbang perkara-perkara yang boleh diperbaiki dari segi bahan pengajaran yang digunakan dan juga dari segi proses pelaksanaan program supaya program ini dapat dijalankan dengan lebih lancar pada tahun ini.

## **7. Kesimpulan**

Program bacaan luas di sekolah Menengah Naval Base merupakan suatu usaha yang masih baharu dan dengan itu, banyak lagi perkara yang boleh diperbaiki bagi memastikan program ini dapat dijalankan secara berterusan dan berstruktur agar setiap pelajar bahasa Melayu di semua peringkat mempunyai kecenderungan untuk membaca karya tulisan dalam bahasa Melayu.

Antara hasil perbincangan yang telah dijalankan oleh guru-guru untuk menambah-baikkkan program ini bagi tahun 2014 adalah untuk bekerjasama dengan ASAS '50 dalam mendapatkan buku antologi cerpen yang boleh dipinjam atau dibeli dengan harga yang berpatutan. Ini dapat menyelesaikan masalah dari segi hak cipta apabila guru-guru menaip dan mencetak cerpen-cerpen sebagai bahan bacaan. Selain itu, program ini boleh ditingkatkan lagi dengan menambahkan aktiviti yang lebih berpusatkan pelajar. Ini bermakna pelajar dibenarkan menilai ulasan rakan sedarjah mereka berdasarkan rubrik yang disediakan. Sejauh ini, setiap ulasan pelajar dinilai oleh guru sahaja dan pelajar mungkin tidak jelas tentang cara menulis ulasan yang lebih baik.



Sehingga kini, guru-guru di Sekolah Menengah Naval Base masih berusaha menambah baik program ini. Pihak sekolah telah memberikan kebenaran untuk membeli beberapa buku terpilih mengikut tingkatan pelajar.

Bagi pelajar Menengah 1, buku yang terpilih sebagai bahan bacaan ialah 'ScriniK – Antologi Cerpen Fiksyen Sains'. Bagi pelajar menengah 2, buku yang terpilih sebagai bahan bacaan ialah 'Teman Siber'. Kedua-dua buku ini diterbitkan oleh ASAS '50. Bagi pelajar Menengah 3 pula, buku yang terpilih sebagai bahan bacaan ialah 'Tekad'. Buku ini merupakan buku yang digunakan sebagai bahan pengajaran bagi subjek sastera Melayu oleh pelajar-pelajar yang mengikuti subjek tersebut di sekolah menengah.

Guru-guru di Sekolah Menengah Naval Base berharap agar program yang sedang diperbaiki ini dapat dijalankan pada tahun 2016.

Tujuan kedua bagi program ini, iaitu untuk meningkatkan daya kreatif dalam penulisan pelajar belum dapat dinilai lagi kerana kesan yang diinginkan ini memerlukan jangka masa yang lebih panjang agar hasil dapatan yang diperoleh kelak merupakan kesan yang lebih tepat dan adil. Guru berasakan bahawa markah ujian karangan naratif boleh digunakan sebagai petunjuk untuk menentukan sekiranya program ini berkesan. Namun, data daripada markah ujian ini hanya dapat diambil selepas menjalankan beberapa sesi program ini terutamanya program yang telah menjalani pembaikan.

Secara kesimpulan, kajian ini telah memperlihatkan peningkatan terhadap minat membaca dalam kalangan pelajar berdasarkan reaksi pelajar yang berminat untuk menjalankan sesi bacaan luas. Secara tidak langsung, pelajar sudah terbiasa dengan rutin yang harus dilakukan pada setiap sesi. Dengan itu, guru amat yakin bahawa program ini akan berjaya sekiranya dilaksanakan secara berterusan dan konsisten.

## **Rujukan**

Baharom Mohamad (2012). *Menguasai Kemahiran Membaca Secara Berkesan, dalam Utusan Borneo.*

Yahya Otman (2005). *Trend dalam Penguasaan Bahasa Melayu.* PTS Publication and Distributions Sdn Bhd.